

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN  
HUSSEIN [ SEMBRONG ]**

**SOALAN NO. 472**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pelaksanaan program MyBrain15 bagi penuntut di Universiti Awam yang pada ketika ini masih lagi ditangguhkan memandangkan program ini adalah untuk menyokong objektif pelan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) untuk mencapai sasaran melahirkan 60,000 orang graduan PhD warga negara Malaysia menjelang tahun 2025.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan program MyBrain15 bermula tahun 2008 sebagai subset kepada usaha mencapai sasaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi menghasilkan 60,000 orang pemegang Ijazah Kedoktoran (PhD) menjelang tahun 2023 (enrolmen seramai 60,000 pada tahun 2020). Bilangan sasaran ini merangkumi semua pemegang PhD di dalam negara termasuk tenaga akademik di Universiti Awam (UA).

Berdasarkan rekod KPM sehingga Oktober 2019, jumlah pelajar PhD tajaan MyBrain15 yang telah bergraduat adalah berjumlah 2,188 orang. Manakala seramai 7,718 orang masih lagi dalam pengajian. Program ini

juga telah berjaya menghasilkan seramai 24,585 orang pemegang Sarjana yang menjadi *feeder* bagi melanjutkan pengajian ke peringkat PhD selain daripada 18,711 orang yang masih di peringkat pengajian.

Selain daripada program MyBrain15, terdapat beberapa program utama biasiswa lain di KPM yang turut menyokong usaha ini seperti MyBrainSc, Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

Sehubungan dengan itu, KPM akan terus berusaha bagi mencapai hasrat PSPTN menjelang 2023 dengan membiayai pelajar menerusi pelbagai program penajaan pendidikan tinggi khususnya melibatkan pegawai dalam perkhidmatan di Kementerian. Statistik Pendidikan Tinggi menunjukkan bahawa sehingga tahun 2018, sejak tahun 2010 negara telah menghasilkan seramai 36,026 pemegang PhD warganegara Malaysia manakala enrolmen pelajar PhD warganegara Malaysia di UA dan IPTS pada tahun 2017 sahaja adalah seramai 28,255 orang. Jumlah ini tidak termasuk pelajar PhD warganegara Malaysia yang melanjutkan pengajian di luar negara dan keluaran PhD warganegara asing dari UA dan IPTS.

Walau bagaimanapun, usaha mencapai sasaran pemegang PhD sebanyak 60,000 orang warganegara Malaysia menjelang tahun 2023 perlu dilihat secara holistik dan perlu disokong oleh pelbagai pihak bagi menyediakan pembiayaan pendidikan tinggi termasuk syarikat swasta, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan-yayasan negeri dan juga syarikat berkaitan kerajaan (GLC).